

22 JAN 2003

Tajol-Usahawan

PEMBERIAN TANAH UNTUK USAHAWAN BUMIPUTERA JADI AGENDA MB PERAK

IPOH, 22 Jan (Bernama) -- Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali berkata pemberian tanah kepada usahawan Bumiputera untuk dimajukan sebagai projek perumahan dan ladang, menjadi agenda yang perlu dibereskannya dalam masa sembilan bulan ini.

Empat agensi kerajaan -- Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri, Yayasan Perak dan Lembaga Air Perak -- akan diminta mengenal pasti tanah yang sesuai.

Katanya tanah seluas 400 hektar akan diberikan untuk pembangunan ladang usahawan yang akan diusahakan oleh usahawan Bumiputera yang berkelayakan.

"Orang lain banyak masa tetapi saya ada sembilan bulan sahaja. Untuk projek perumahan, kita akan kenalpasti 10 kontraktor Kelas A yang mampu menjayakannya," katanya ketika berucap pada Seminar Pembangunan Usahawan Bumiputera di sini hari ini.

Ketika ditemui selepas perasmian itu, Tajol Rosli menjelaskan bahawa tempoh sembilan bulan itu tidak ada kena mengena dengan spekulasi bahawa beliau akan dipindahkan ke kerajaan pusat selepas pilihan raya umum akan datang.

"Sebagai orang politik, kita kena bersedia...sama ada bertanding semula, tidak bertanding atau dipindahkan. Ini semua terserah kepada pucuk pimpinan," katanya.

Beliau berkata tempoh itu ditetapkan kerana beliau menjangkakan pilihan raya umum mungkin diadakan sebelum atau selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersara selepas Oktober ini.

Oleh itu beliau perlu memastikan segala perancangan, terutama yang melibatkan usahawan Bumiputera, dapat diselesaikan dalam tempoh itu.

Tajol Rosli berkata tanah yang dikenalpasti untuk projek perumahan itu perlulah yang berpotensi bagi dimajukan dan kerajaan negeri akan memberi ganti tanah lain kepada agensi terbabit.

-- BERNAMA

AR RON